

# Pelajar lepasan SPM perlu bijak pilih hala tuju

**Nur Athirah Ismail,**  
Fakulti Pengurusan  
Industri, Universiti  
Malaysia Pahang

**Mutakhir** ini masyarakat hangat membicarakan isu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang enggan melanjutkan pengajian selepas tamat Tingkatan Lima.

Kehangatan itu bertambah apabila Jabatan Perangkaan turut mendedahkan sebanyak 72.1 peratus atau 390,000 lepasan SPM tidak berbuat demikian pada 2021.

Sebenarnya, perkara ini menjadi satu kebimbangan yang serius sekiranya tidak dibendung. Impaknya bukan sahaja kepada kehilangan tenaga kerja tempatan dalam bidang profesional, tetapi kebergantungan kepada perkhidmatan pekerja asing. Sedangkan mereka sepatutnya menjadi generasi seterusnya yang akan membentuk negara pada masa akan datang.

Antara faktor yang mempengaruhi golongan pelajar itu berbuat demikian adalah tarikan platform gig seperti pekerjaan menghantar makanan. Malah, ada segelintir mereka berasakan tidak mengapa memperoleh pendapatan antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan berbanding beban hutang pengajian yang perlu dipikul selepas itu sedangkan gaji yang diterima kelak hampir sama.

Hal ini ditambah dengan pengaruh media sosial yang memaparkan kehidupan mewah lagi mudah. Ia tentu sahaja mempengaruhi mereka dan menjadi motivasi apabila mengetahui bahawa pendapatan bulanan seseorang mempengaruhi misalnya serendah RM5,000 sebulan.

Bagaimanapun, pelajar perlu diingatkan bahawa untuk menjadi seorang mempengaruhi bukanlah kerja mudah. Mereka perlu memahami bahawa pendapatan golongan itu amat bergantung kepada jumlah tontonan untuk satu video yang dimuat naik ke laman sosial.

Namun, kita tidak pula menafikan ada dalam kalangan mempengaruhi berkenaan yang mempunyai latar pendidikan yang tinggi, malah kandungan yang dimuat naik juga banyak memberi manfaat kepada awam.

Apapun, sesuatu yang perlu kita sedar pendidikan tinggi amat perlu demi masa depan generasi muda kini. Malah, kerajaan memberi pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya adalah memberi peruntukan

sebanyak RM6.6 bilion ringgit kepada bidang pengajian teknikal dan vokasional.

## Ibu bapa perlu ambil tahu minat anak

Peribahasa ada menyebut 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Justeru, ibu bapa juga berperanan untuk mengambil tahu minat anak sama ada di dalam akademik atau kemahiran. Ini penting supaya ibu bapa dapat menasihati dan menggalakkan mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Oleh yang demikian, kematangan seorang anak remaja dalam membuat keputusan yang tepat bermula dengan didikan yang baik di rumah. Jika dahulu peribahasa ada menyebut 'sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan isteri tinggalkan-tinggalkan'.

Namun, sesuai peredaran masa, peribahasa sebegini tidak lagi relevan. Ibu bapa perlu mengambil tahu perkembangan anak mereka dan menerapkan kesedaran kepentingan pelajaran kepada anak.

Ia ditambahkan lagi dengan kemajuan teknologi yang semakin berkembang maju, ia tidak harus menjadi halangan untuk mereka berjaya. Jangan jadikan senario kebanyakan ibu bapa yang membuta tuli mengikut kemahuan anak remaja sehingga mereka mengambil jalan mudah dan membuat keputusan sendiri tanpa berfikir panjang.

“Ibu bapa perlu mengambil tahu perkembangan anak mereka dan menerapkan kesedaran kepentingan pelajaran kepada anak”